

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

PLG 478 - Kaedah Mengajar Kesusasteraan II

Masa: [2 Jam]

Jawab tiga soalan semuanya. Pilih satu soalan daripada setiap bahagian.

BAHAGIAN A

- 1 a) Bincangkan dengan jelas pendekatan mengalami-menghayati, berfokus dan struktural dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu?
[25 markah]
- b) Huraikan lima alat kemahiran berfikir CoRT yang dapat anda terapkan dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu?
[15 markah]
- 2 a) Bincangkan fungsi-fungsi penyualan dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu?
[15 markah]
- b) Jelaskan strategi-strategi yang dapat diambil oleh guru semasa mengemukakan soalan dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu?
[15 markah]
- c) Bagi setiap aras taksonomi Bloom sediakan satu contoh soalan Kesusasteraan Melayu untuk tingkatan enam.
[10 markah]

BAHAGIAN B

- 3 a) Lukiskan rajah minda menunjukkan watak-watak lucu dalam teks Sejarah Melayu? [5 markah]
- b) Jelaskan aktiviti-aktiviti pengajaran yang menarik dan berkesan untuk mengajar unsur-unsur humor dalam karya agung Sejarah Melayu? [25 markah]
4. Rancanglah langkah-langkah pengajaran yang menarik dan alat bantu mengajar yang sesuai untuk mengajar watak dan perwatakan dalam cerpen *Di Bilik Belakang dan Menjual Tanah Air?* (Sila lihat Lampiran A). [30 markah]

BAHAGIAN C

5. Sediakan satu rancangan pengajaran yang menarik untuk mengajar gaya bahasa dalam drama *Tok Perak* karya Syed Alwi kepada pelajar-pelajar Tingkatan Enam atas? [30 markah]
- 6 a) Nyatakan kemahiran-kemahiran yang dapat anda terapkan kepada pelajar dalam pengajaran sajak pada peringkat Tingkatan Enam? [10 markah]
- b) Baca sajak dalam lampiran B dengan teliti dan rancanglah beberapa langkah pengajaran dan alat bantu mengajar yang menarik untuk mengajar tema, persoalan dan gaya bahasa dalam sajak tersebut? [20 markah]

Bilik Belakang

BANYAK perkara-perkara ganjil dalam bulan puasa; muka banyak yang pucat, dapur tidak berasap sebelah pagi, bapa-bapa selalu pulang lekas, budak-budak minta baju baru, tuk-tuk lebai dan budak-budak muda banyak tidur siang di surau, sirap dan ais laku seperti rokok dan mancis dalam bulan tidak puasa. Kentung atau ketuk-ketuk dan geduk atau beduk jadi tumpuan perhatian waktu senja. Masjid dan surau pasang lampu. Orang lelaki ramai-ramai sembahyang, mengaji dan juga makan-makan di masjid. Orang perempuan masak nasi waktu dinihari; makanan sahur yang tidak habis jadi rezeki budak-budak untuk sarapan pagi.

Cik Yusof, maneger Melayu yang muda itupun banyak perubahannya. Tiap-tiap senja ada orang azan di rumahnya. Lebai Muhammad sengaja dibawa oleh bapanya dari kampung untuk memimpin keluarga Cik Yusof beribadat bulan puasa. Dan Cik Yusof jarang-jarang kelihatan di bandar, atau di klub atau di restoran, pada malam hari seperti biasa. Kerani-kerani muda terasa kehilangan pemimpin dan anak-anak tauke China yang selalu suka belanja sekarang kurang suka, 'Cik Yusof tidak ada, tidak sedap . . .' kata mereka.

Tetapi walaupun opis ditutup pukul tiga setengah Cik Yusof hanya pulang kalau sudah dekat waktu berbuka. Pulangnya selalu lesu dan letih, kadang-kadang pening-pening lalat. Jarang dia mandi sebelum berbuka, kerana selalu saja pening kepala, dan bila sudah berbuka dia masuk tidur. Walaupun lebai Muhammad mendayu-dayu dengan suara azannya, Cik Yusof tidak bangun sembahyang. Bapanya saja mengulukan sekalian isi rumah dan beberapa orang jiran, termasuk emak mentua Pegawai Daerah, sembahyang berjemaah, teraweh dan bertedurus. Sebuah alat pembesar suara sengaja disediakan untuk lebai Muhammad. Dan bila dia membaca maka terdengarlah suaranya melaung-laung lemak merdu sekeliling kawasan itu.

Pendeknya rumah Cik Yusof jadi pusat ibadat dalam kawasan tersebut, kebetulan pula di situ, tidak ada surau. Pegawai-pegawai kerajaan

yang banyak tinggal di situ, mana yang gemar beribadat dalam bulan puasa, kena pergi ke kampung kira-kira dua batu dari situ atau ke masjid bandar kira-kira sebatu setengah.

Cik Yusof biasanya tidak bangun-bangun melainkan bila dibangunkan oleh isterinya untuk makan sahur. Dan ia jarang bangun pagi melainkan pukul sembilan atau sepuluh. Ia sampai di pejabatnya pukul sepuluh setengah. Lain-lain pegawai dalam pajabatnya tidak ambil berat sangat, kerana selain daripada seorang ketua yang ramah tamah dia juga disayangi oleh sekalian pekerja di pejabat itu, dan yang paling pentingnya semua orang tahu dia beribadat, di rumahnya melaung-laung suara bacaan Quran saban malam sampai terdengar juga ke rumah Pegawai Daerah. Selama bulan puasa sudah tiga kali Tuk Imam, Tuk Kadi dan Naib-naib serta pegawai-pegawai masjid dijamu berbuka di rumahnya. Semuanya itu menyebabkan orang segan untuk menegur kalau dia selalu lambat ke pejabat dalam bulan puasa ini.

Kerani-kerani dan pegawai-pegawai muda, termasuk dari pejabat kerajaan, yang selama ini jadi pengikutnya di kedai-kedai minuman dan sekali-sekali ke Kuala Lumpur mengunjungi hotel-hotel besar, taman-taman hiburan dan sebagainya, sekarang amat malu dan takut benar mendekati Cik Yusof. Walaupun tidak seorang di antara pegawai-pegawai dan kerani-kerani muda itu yang puasa namun merokok di hadapan Cik Yusof mereka tidak berani. Apa lagi minum atau makan. Begitu pun mereka ada tempat istimewa untuk tempat makan tengahari dan minum-minum. Mulanya tempat itu di suatu bilik belakang klub, tetapi bila mereka dapat tahu bahwa Cik Yusof pada suatu hari melawat ke tempat itu mereka pun tidak pernah lagi minum-minum dan makan-makan di situ.

Sudin yang jadi penjaga di klub itu menerangkan pada mereka bahwa Cik Yusof bertanya mengapakah kantin belakang itu sekarang diubah caranya, di sekat-sekat dan sebuah daripada biliknya yang di belakang sekali dimuat kerusi banyak-banyak?

Sudin dapat sebotol bir dari kerani-kerani itu kerana tidak menerangkan perkara yang sebenarnya kepada Cik Yusof. Tetapi semenjak itu kerani-kerani dan pegawai muda itu tidak pernah lagi datang ke klub siang hari. Sudin mengeluh kerana 'hadiah' yang sepatutnya masuk dua tiga ringgit sehari telah lenyap. Dia sekarang tidak ada belanja hari-hari lagi, belanja rokok pun tidak, kerana wangnya semua telah diserahkan kepada isterinya untuk belanja persiapan hari raya. Dia mesti berbuat demikian kerana inilah bulan puasa yang pertama semenjak dia kahwin lima bulan yang lalu. Ia ingin hendak menyenangkan hati isterinya menghadapi hari raya ini.

Tiga hari kemudian Cik Yusof datang lagi selepas dari waktu pejabat kira-kira pukul tiga tiga-suku. Dia datang dengan seorang pegawai kerajaan bangsa Eropah dan seorang tauke bangsa China. Pegawai itu membawa seorang perempuan China; muda, cantik dan selalu saja tersenyum.

Mereka mengambil tempat duduk di bilik belakang itu. Dan kemudian minta minuman, mulanya ringan, kemudian yang ringan itu disusul pula orang yang berat-berat tetapi halus-halus.

Sudin mulanya tidak percaya kepada pandangannya. Cik Yusof ikut minum dan bukannya minum saja malah bercumbu-cumbuan pula dengan perempuan muda itu. Perempuan itu dengan riang membagi-bagi keseronokan kepada ketiga-tiga lelaki tersebut.

Kira-kira pukul enam dua puluh minit, mereka berpisah dan Sudin menerima not lima ringgit dari Cik Yusof. 'Awak sediakan bilik itu khas tiap-tiap petang dan jaga kerja awak baik-baik,' katanya.

Sudin sangat berbesar hati seperti *Malay Regiment* dipindahkan dari Gua Musang balik ke Port Dickson. Dia tahu apa yang mesti dibuatnya, dan dia tahu 'jaga kerja' . . . Ada telinga dengar, ada mata lihat dan simpan semua dalam hati.

Bilik belakang itu bagi Sudin adalah sumber penghidupannya dalam bulan puasa. Dia bersyukur; dengan Cik Yusof menggantikan tempat kerani-kerani dan pegawai-pegawai muda itu dia mendapat rezeki lebih lumayan. Dia bukan saja dapat duit saku malah dapat membeli sepasang kasut 'pantai bahagia' dan kain batik 'Jawa baru' untuk isterinya.

Lebih untung lagi bulan puasa ini Sudin hanya bekerja bahagian siang saja, malam digantikan oleh orang lain. Maka dapatlah dia kesempatan merasa seronoknya bulan puasa di surau dalam kampungnya. Bulan puasa yang lalu keseronokan itu tidak ada kerana kampungnya kena hukum berkurung. Sekarang hukuman berkurung itu sudah dibatalkan.

Tuk Imam Yasin berperiperi mengatakan bahwa hukuman berkurung itu dibatalkan dengan usaha dan tuntutan yang beria-ia dan ber-sungguh-sungguh oleh Cik Yusof. Susah dicari seorang pemimpin Melayu seperti dia. Kata Imam Yasin, hampir syarikatnya kena tutup kerana berkeras hendakkan hukum berkurung di kampung ini dibatalkan, tetapi kerana memikirkan agama, Cik Yusof berkeras juga hingga berjaya. 'Bukankah sebulan yang lalu kita masih tidak boleh keluar malam? Nah, sekarang kita sudah boleh beribadat di surau ini,' katanya. Dan dengan sungguh-sungguh dia menyambung lagi, 'Memang susah dicari seorang muda seperti Cik Yusof, di rumahnya ada seorang lebai yang cukup kari untuk membaca Quran dan mengaji bersama-sama dengannya selama

bulan puasa ini. Cik Yusof dulu hendak menjemput aku mengaji dan memimpin ibadat di rumahnya selama bulan puasa ini, tetapi bapanya telah membawa lebai itu dari kampungnya.'

'Syukurlah, ada lebai itu, kalau tidak susah pula kita di kampung ini tak beriman,' kata seorang menyampuk. Lebai Yasin kembang-kembang lubang hidungnya.

Cik Yusof khabarnya tidak tidur-tidur selama bulan puasa ini. Ia asyik mengaji dan sembahyang saja bersama-sama dengan lebai itu, hingga subuh. Lepas sembahyang subuh barulah dia tidur. Sekarang susah kita hendak berjumpa dia di pejabatnya sebelah pagi kerana dia datang pukul sebelas.'

'Petang-petang bila habis opis dia tidur ke klub,' kata Naib Latif.

'Betul, dia memang tidur petang-petang di klub, tak percaya cuba tanya Sudin,' kata Imam Yasin pula.

Semua yang berbual itu memandang kepada Sudin kerana di antara mereka berbual di serambi itu termasuk juga Sudin, sementara di dalam surau tiga empat orang bertedarus. Tuk Imam dan Tuk Naib memang biasa begitu, dia hanya memulakan saja tedarus itu kemudian lalu keluar berbual dan tedarus diteruskan oleh beberapa orang saja.

Kena pandang ramai-ramai itu Sudin gelisah, dia tahu apa yang sebenarnya, tetapi dia hanya boleh memandang dan mendengar saja, bercakap tidak boleh. Cik Yusof sudah nasihatkan dia supaya 'jaga kerja baik-baik'. Akhirnya dia tersengeh dan berkata, 'Memang betul Cik Yusof tiap-tiap petang datang ke klub dan hampir-hampir waktu berbuka baru pulang...'

Semua yang hadir menarik nafas panjang; seolah-olah tadi menahan nafas mereka menanti pengesahan dari Sudin seperti bini Sudin membuka bungkusan kasut yang dibawanya pulang siang tadi—betulkah 'pantai bahagia' atau tidak.

Sudin tidak peduli, dia tidak berbohong, dia hanya mengatakan Cik Yusof ada datang ke klub tiap-tiap petang dan balik waktu hendak berbuka, apa dibuatnya di klub itu tidurkan atau apa, tidak disebutnya. Dia tidak peduli Cik Yusof disanjung atau dikeji, bukan jadi soal dia. Soal dia ialah menyediakan bilik di belakang kantin itu dengan rapi dan menutup rahsia itu rapat-rapat supaya boleh dia dapat wang untuk belanja hari raya isterinya. Isterinya cantik, dan jika tidak pandai mengambil hatinya takut nanti dia mengamuk. Dan lagi pada pendapat Sudin, hari raya ialah hari menunjukkan kebolehan masing-masing dan dia mahu tunjukkan bahwa dia memang ada kebolehan, dia mahu kikis anggapan setengah-setengah saudara bininya yang dulu enggan menerima dia sebagai ipar lamai kerana kononnya tidak berkebolehan, dia

hanya seorang tukang jaga klub. . . . Sudin sendiri pun tidak puasa, oleh sebab itu apa dia peduli Cik Yusof puasa atau tidak? Dia tidak peduli walau ayahnya sendiri tidak puasa.

Semua orang sekarang bersiap mengumpulkan persediaan sebanyak-banyaknya untuk hari raya, dan dia sendiri mesti mengikut kebiasaan orang ramai. Dalam pada itu mencuri-curi tidak puasa itupun satu kebiasaan orang ramai, terutama di kalangan budak-budak muda dan orang-orang terkemuka kerana wang atau pangkat.

Dan bukan itu saja, tetapi yang lebih mustahak lagi ialah 'menjaga kerja'. Cik Yusof ada kuasa membuang kerjanya, kerana dia pegawai di klub itu dan juga wangnya berpengaruh besar di mana-mana.

Tetapi nasibnya akan buruk juga sebagaimana nasib kebanyakan orang-orang kecil seperti dia. Pada suatu hari setelah tiga minggu puasa orang mengadakan peraduan bola sepak, maka ramallah orang-orang dan pemain-pemain hadir di klub petang itu, di antaranya Karim, seorang pemain Melayu yang terkenal. Karim dulunya kerani di pejabat kerajaan tetapi ia telah dibuang kerja kerana kurang adab sopan kepada ketua-tua. Memang anak muda itu selalu bercakap kasar-kasar di depan orang ramai, tidak mengindahkan walau di dalam majlis-majlis yang terhormat sekalipun. Selain dari itu dia juga sangat tidak setuju dengan Cik Yusof. Katanya Cik Yusof menjolikan wang syarikat, Cik Yusof kaki arak, Cik Yusof suka bermuka-muka dan sebagainya.

Dia pernah menuduh bahwa Cik Yusoflah yang mencucuk Pegawai Daerah dan Kerani Besar yang menyebabkan dia sampai dibuang kerja.

Hari itu Karim akan ikut main, padahal perlawanan itu adalah antara pasukan China dengan pasukan *rest* (tidak termasuk pemain-pemain Melayu).

'Apa aku peduli orang lain punya cakap!' kata Karim tatkala diberi ingat oleh Sudin bahwa perbuatannya ikut main dalam bulan puasa itu akan membusukkan nama dan jadi kemarahan orang tua-tua. 'Kalau tak puasa pun janganlah tunjukkan sangat kepada ramai. Melayu juga yang malu,' kata Sudin.

Mendengar 'Melayu juga yang malu' itu Karim bertambah berang, 'Apa ada kena mengena kelakuan aku dengan Melayu? Aku puasa atau tak puasa ialah kerana Tuhan, bukan kerana sesiapa. Kalau aku berdosa, dosaku ialah kepada Tuhanku, bukan kepada manusia, bukan kepada orang Melayu. Mengapa kalau aku tak puasa, kalau aku main bola dalam bulan puasa orang Melayu menjadi malu; padahal orang kaya-kaya, orang pangkat-pangkat yang minum arak dalam bulan puasa itu tak salah? Tak memberi malu kepada bangsanya?'

Waktu itu ramai orang-orang kaya dan pegawai-pegawai Melayu

duduk-duduk di klub itu menghabiskan masa, ada yang main terup, ada yang main dam dan menunggu-nunggu masa permainan bola dimulakan. Semua memandang dengan muka yang benci kepada Karim yang bercakap keras-keras kepada Sudin.

'Kenapa engkau tak berani mengatakan kepada maneger-maneger bangsa Melayu dan encik-encik engkau yang besar-besar pangkat itu suruh berhenti minum arak dalam bulan puasa ini? Kalau aku ada kuasa aku tutup klub ini, aku tahu banyak orang menggunakan klub ini sebagai syurga mereka. Padahal mereka itulah penipu besar, menipu anak isterinya, menipu orang ramai, menipu orang Melayu, menipu diri sendiri dan barangkali pada fikiran mereka, mereka juga menipu Tuhannya.'

Semua orang Melayu yang ada duduk dan main-main dalam klub itu merasa gelisah, semua muka masam dan merasa tersinggung. Dan Sudin lekas-lekas berkata, 'Sudahlah, Karim, jangan bersyarah lagi, kalau mahu main bola mainlah, itu kawan-kawan engkau sudah turun ke padang.'

'Memang aku mahu main bola,' katanya sambil menyepak-nyepak kaki meja dengan kasut bolanya. Dan mulutnya menghembus-hembuskan asap rokok.

'Kalau engkau hendak merokok pergilah ke belakang,' kata Sudin.

'Apa bezanya di sini atau di belakang? Di belakang Tuhan tidak nampakkah?'

'Nanti engkau ditangkap mata-mata,' kata Sudin.

'Kalau mata-mata datang nanti aku bawa dia ke belakang, aku tahu ada bilik syurga di belakang itu. Di situ banyak orang-orang yang boleh bayar denda lebih besar dari aku,' jawab Karim dengan suara yang sengaja dikeras-keraskan.

Karim mencampakkan puntung rokoknya ke lantai dan menginjak-injak dengan sepatu bolanya lalu turun ke padang. Di tangga klub dia meludah, entah apa yang dijijikkannya.

Tatkala orang sedang bermain di padang, Sudin pergi ke belakang kerana ada panggilan dari bilik khas itu. Cik Yusof yang sudah ada di situ semenjak pukul tiga setengah tadi menunggu Sudin dengan muka yang merah. Dia mendengar segala cakap si Karim tadi dan dia sangat murka.

Besoknya bilik itu tidak didatangi oleh Cik Yusof lagi.

Tatkala berjumpa dengan Karim pada suatu petang dekat hendak hari raya Sudin menyatakan penyesalannya dan Karim pun merasa sedih atas hal yang telah terjadi.

'Itulah engkau,' kata Sudin, 'bercakap tak hendak memandang-mandang, tak memikirkan nasib kawan. Semenjak hari itu Cik Yusof

Bilik Belakang

107

tak datang-datang lagi mengunjungi bilik belakang itu dan aku kehilangan empat atau lima ringgit satu hari.'

'Ah, bini engkau masih sayang lagi; kalau baru-baru macam engkau itu tidak usah belanja besar-besar pun tidak apa,' kata Karim.

'Tetapi aku hairan mengapa orang sangat segan dan memuji-muji Cik Yusof?' kata Sudin pula.

'Kerana banyak orang yang mahu disuapnya dengan wang, seperti engkau itu; hanya dengan empat lima ringgit sudah mahu jadi perkakasnya. Untung sekarang dia tak datang-datang lagi; kalau dia datang juga tentu dosa engkau bertambah berat, barangkali engkau puasa sepuluh tahun tak cukup menebus dosa itu. . . .'

'Engkau tahu di mana pula sekarang dia menghabiskan masanya sebelum waktu berbuka?'

'Di bilik belakang rumah tauke Ah Kaw,' kata Karim. 'Orang seperti dia mesti ada bilik belakang kerana hidupnya selalu dalam pura-pura.'

Mastika, Julai 1952

Menjual Tanahair

SEORANG broker bangsa Yahudi datang dari Singapura mendapatkan datuk penghulu Muhammad Shah di rumahnya yang besar dan indah. Radio yang sedang berbunyi perlahan-lahan diserambi hadapan ditutup, dan broker itu dipersilakan duduk.

'Sudah lama kita tidak berjumpa—saya lihat datuk sekarang semakin sihat dan gemuk,' kata broker itu memulai percakapannya.

'Terimakasih—dan bangkali tuan lihat juga rambut saya sudah mulai beransur putih.'

'Tetapi itu cuma sidikit-sedikit saja dan alamat bahwa orangnya telah banyak pengalaman dan berhati tetap.'

'Bagaimana dengan pekerjaan tuan sekarang, adakah berjalan baik seperti dulu juga?'

'Mudah-mudahan sudah mulai berjalan baik meskipun sedikit masa dulu ditimpa kerugian besar kerana pemerintahan Jepun.'

'Kalau begitu syukurlah—memang di mana-mana bekas kebinasaan masa Jepun itu sekarang telah hampir-hampir dapat diperbaiki. Adakah apa-apa hal yang penting barangkali atas kedatangan tuan ini?'

'Memang ada, dan kalau datuk izinkan, saya mahu bilang saja terus terang.'

'Apa salahnya—cakaplah terus terang. Kita bukannya baru kenal biasa.'

'Saya hendak mengulang perkara lama, iaitu hal tanah *Malay Reservation* yang telah kita urus hendak jual kepada satu kompeni Eropah sebelum perang dulu.'

'Oh, perkara itu,' jawab datuk penghulu Muhammad Shah dengan tersenyum, tetapi air mukanya kelihatan sedikit berubah.

'Ya, perkara itulah saja, barangkali datuk belum lupa dan saya masih mengharap dapat kita teruskan usaha ini. Fasal harga jangan datuk khuatir, kompeni yang hendak membeli ini kompeni besar, tidak menolak harga asal dapat tanah yang berisi dengan memuaskan.'

Setelah termenung sejurus, datuk penghulu lalu menjawab. 'Saya tidak boleh memutuskan perkara ini sebab keadaan sekarang dengan keadaan dulu ada banyak berbeza.'

'Ya, itu sememangnya betul dan saya pun tidak mahu menyusahkan datuk.' Saya bukan mahu keputusan sekarang melainkan terserah pada kebijaksanaan datuk. Saya tahu pekerjaan ini berat tetapi janganlah khuatir, jasa datuk nanti akan dibalas sepuas-puas hati datuk sendiri.'

'Demikianlah,' kata tuk penghulu setelah berfikir sebentar. 'Tuan kembalilah dulu ke Singapura, nanti setelah tiga bulan saya akan memberi khabar.'

'Broker Yahudi itu telah kembali ke Singapura meninggalkan satu perkara sulit yang menyebabkan datuk penghulu Muhammad Syah tidak pergi ke pejabat seminggu lamanya, duduk termenung di rumah memikirkan tiga soal yang berat:

Pertama—ia telah berjanji dengan broker itu sebelum perang dulu akan menjual tanah *Malay Reservation* dalam mukimnya kerana tanah itu didapati mengandungi bijih, dan ia telah menerima wang dari Yahudi tersebut sebanyak dua ribu ringgit.

Kedua—ia insaf bahwa orang-orang Melayu sekarang tidak boleh lagi dipermudah. Orang Melayu sudah tahu bahaya menjual tanah kampung dan bahaya modal asing.

Ketiga—keadaan diri sendiri yang sedang meningkat naik dalam masyarakat dan dalam pandangan Duli Yang Maha Mulia. Ia ingin naik lebih tinggi lagi, tetapi . . . ia kekurangan alat yang pertama, iaitu wang.

Seminggu lamanya ia termenung menghitung laba dan rugi, memandang kiri dan kanan; sementara hujan tidak berhenti-henti turun membasahi bumi, telah hampir sebulan dengan tidak pernah ada matahari memancarkan cahayanya.

Tolak campur, darab dan bagi, akhirnya datuk penghulu Muhammad Syah mendapat ketetapan: ia mesti menjual tanah yang luasnya 450 ekar itu, yang lebih kurang 150 kelamin bangsa Melayu tinggal di sana hidup bersawah ladang entah telah berapa kurun lamanya turun temurun.

Ia mesti jual kerana ia perlu wang untuk meningkat lebih tinggi dan lebih tinggi lagi.

Dalam kepalanya sudah hampir siap pelan-pelan yang bakal dijalan-kannya dan ia kelihatan tersenyum ganas sambil menghirup kopi panas.

Sementara di halaman kedengaran orang memanggil dan memberitahu bahwa kampung yang hendak dijual itu telah karam dan air sedang bertambah naik.

'Bagus, katanya di dalam hati, dan dengan suara lantang ia mengatakan akan segera sampai ke tempat itu.'

Menjual Tanahair

17

Berhari-hari lepas kejadian yang menyedihkan itu ia kelihatan masih sibok menyelenggarakan anak-anak buahnya yang mendapat kemalangan, hilang harta-benda dan kerbau kambing, hilang padi yang sedang menguning terhampar di tengah sawah habis hanyut dan ranap ke bumi.

Ia betul-betul kelihatan menanggung dukacita dan menumpahkan kasih sayang kepada anak buahnya. Beratus-ratus bahkan beribu wang telah dikeluarkan dari poketnya sendiri untuk menolong mereka itu.

Tetapi di dalam hospital ada seorang pemuda Muhammad Amir sedang terbaring antara hidup dan mati dengan tidak ada siapapun membantunya. Ia seorang miskin dan sengsara, tidak ada kaum keluarga, hidup sebatang kara, menumpang mengerjakan sawah-sawah orang lain, termasuk juga sawah datuk penghulu.

Tetapi ada satu kekayaannya, iaitu ketinggian budi pekerti dan hati yang berani. Hati orang kampung bertambah kepadanya oleh sebab kekayaannya yang sebuah itu dan banyak belas kasihan dan kasih sayang yang diterimanya daripada mereka itu.

Pada hari air bah itu ia telah mendapat kemalangan kerana memberi pertolongan kepada orang-orang tua, kanak-kanak dan perempuan yang dalam bahaya.

Ia telah dihantar orang ke hospital dan datuk penghulu mengetahui hal ini semua. Tetapi ia sengaja membikin tidak tahu kerana ada apa-apa yang menyebabkan ia suka Amir terus tidak ada dalam kalangan masyarakatnya.

Hari yang kesepuluh dari kejadian itu seorang kampung datang memberitahukan kepadanya bahwa Amir sedang menderita semakin teruk.

'Pergilah tengok siapa yang ada kesempatan. Saya banyak kerja,' jawabnya kepada orang itu. Waktu itu ia sedang berunding dengan tiga orang ketua kampung dan orang-orang yang terkemuka dalam kampung tersebut. Apa yang dirundingkan mereka tidak lain daripada perkara menjual tanah yang baru karam itu.

'Kampung kita itu telah beberapa kali karam,' kata datuk penghulu antara lain-lain, 'dan saya fikir pada tahun hadapan susah hendak mempergunakan tanah itu lagi. Apa kata awak orang semua kalau kita cari tanah baru yang lebih baik dan yang lama itu kita jual? Sekarang ada kompeni yang hendak membeli dengan harga mahal menurut pendengaran saya.'

Lama juga percakapan dan perbahasan mereka berlangsung, dan akhirnya didapati juga persetujuan bahwa ketua-ketua kampung itu akan berusaha menerangkan kepada anak buahnya supaya mereka pun suka menjual tanah mereka dan mencari tanah baru dengan pertolongan datuk penghulu.

Pada satu pagi hari Jumaat Datuk Empat Sulung dengan anak gadisnya Siti Rohani kelihatan berpayung menempuh hujan rintik-rintik yang belum juga berhenti-henti walaupun berkali-kali air telah bah.

Mereka itu menuju hospital akan menziarahi Amir yang masih lagi dalam menderitanya. Air mata bercucuran dalam pertemuan mereka kerana segala yang diceritakan adalah peristiwa-peristiwa sedih belaka.

'Kita tidak akan berkampung halaman lagi, Amir,' kata orang tua itu, 'kerana jarum datuk penghulu nampaknya telah masuk betul-betul ke hati jantung anak buahnya. Mereka ini sudah gelap mata hatinya mendengar harga yang mahal yang ditawarkan saudagar kepada mereka. Tetapi mereka tidak insaf bahwa untuk menaja sebuah kampung baru yang seindah dan sepermai pusaka nenek moyang yang ada itu adalah satu perkara yang tidak mudah dan bukan boleh memakan masa empat lima tahun.

'Saya akan meninggal barangkali waktu kampung baru yang dirancang dengan indahnya itu telah terbina dan jikalau saya tidak meninggal sekalipun tiada juga akan dapat saya membentuk sebuah kampung yang sepermai kampung saya sekarang dengan tenaga saya yang telah lemah ini.

'Apakah akan terjadi dengan nasib Siti Rohani kelak?' keluh orang tua itu dengan suara yang dalam seolah-olah kepada dirinya sendiri.

Siti Rohani disudut sebelah sana kedengaran tersedu-sedu menahan ratap tangisnya.

'Kita akan hancur-luluh, bapak,' kata Amir perlahan-lahan, 'kerana tenaga dan kekuasaan harta benda dan kemegahan menghimpit keras di atas batu kepala kita, bukan saja sekarang, tetapi bapak tentulah banyak mengetahui sejak zaman-zaman yang telah lalu, nasib segolongan besar rakyat jelata yang sengsara seperti kita ini sentiasa menjadi permainan segolongan kecil orang-orang yang berkuasa, yang besar dan yang katanya bertanggungjawab kepada keselamatan semua bangsa Melayu.

'Dulu saya pernah berkata di tengah-tengah masyarakat kampung kita akan perkara-perkara seperti ini, dan sekarang apa yang saya takut-takutkan itu telah datang untuk menamatkan riwayat kita. Kita akan hancur lebur dipijak-pijak, dijadikan tangga oleh beberapa orang saja dari dalam kalangan kita yang hendak naik lebih tinggi ke puncak hawa nafsu.

'Apa yang hendak kita buat sekarang semuanya telah menjadi gelap kepada saya, bapak, kerana keinsafan belum juga mahu masuk kepada hati sanubari orang-orang kita.'

Ada sebentar antaranya suasana di dalam wad itu menjadi sunyi. Dan

kesedihan seolah-olah menguasai segala sesuatu yang ada di dalamnya kerana suara sedu sedan Siti Rohani tidak mahu berhenti-henti bagai suara titikan air di dalam gua batu yang gelap gulita.

'Lekaslah sembuh, Amir,' kata Datuk Empat Sulung pula memecahkan kesunyian itu, 'supaya kita teruskan hidup yang melarat ini dengan hati yang berani dan berdiri di atas kebenaran kita.'

'Entahlah, bapak, saya rasa entah tidak akan tercapai tanah tepi dengan tenaga saya yang penuh penderitaan ini. Kelemahan bukan saja pada batang tubuh saya tetapi rasanya telah masuk menguasai jiwa dan semangat saya. Air mata bapak yang berlinangan dan suara sedu sedan Rohani yang mendayu-dayu mengingatkan saya seperti telah terdampar di atas tikar kematian.'

'Ah, Amir, berkatalah dengan semangat yang teguh dan yakin seperti yang telah lalu. Kenapa mengeluarkan ucapan-ucapan yang bukan-bukan itu? Kita sekarang baru menempuh percubaan pertama, belum lagi meningkat perjuangan yang hebat.'

Amir hanya mengeluh perlahan-lahan, sedang tenaganya kelihatan semakin kendur dan lemah. Sementara Rohani dengan tidak disedarinya telah datang dekat kepada ayahnya bertelut di sisi tempat pembaringan Amir. Air matanya meleleh membasahi pipinya yang hitam manis dan mata yang bening sayu itu menatap muka Amir penuh dengan was-was dan kecemasan.

Dua pandangan yang sayu bertemu dan dua hati muda remaja bergoncang dalam pertemuan mata di tengah-tengah suasana kesedihan itu.

Suasana kembali sunyi dan akhirnya dipecahkan oleh suara Amir perlahan-lahan.

'Bapak dan Ani pulanglah dulu, nanti manakala saya telah sembuh kita selesaikan perkara ini. Dan jikalau saya tidak akan sembuh-sembuh lagi biarlah angkatan baru bangsa kita yang insaf dan sedar boleh membuat perhitungan dengan mereka yang berpijak di atas kepala bangsanya, menjual tanahairnya untuk kepentingan diri sendiri itu. Tetapkan iman kita dan terus berjuang dengan berani kerana benar, sampai datangnya zaman pembalasan dan keadilan di atas kita semua. . . .'

Tiga hari kemudian, pada suatu petang yang sejuk di bawah titikan hujan yang rintik-rintik, mengalirlah air mata berpuluh-puluh rakyat jelata mengiringkan jenazah almarhum pemuda Muhammad Amir yang telah meninggal dalam penderitaannya hanya di hadapan seorang dresser di hospital.

Datuk Penghulu Muhammad Syah turut juga mengiringkan dengan motokar besarnya yang baru dijemputnya ke Singapura beberapa hari yang lalu.

Sementara di rumah Datuk Empat Sulung mendayu-dayu ratap langit yang menjulang ke angkasa, terhambur dari jiwa Rohani, gadis jelita yang telah hancur hati dan pengharapannya.

Mastika, Februari 1948

Salji Hitam

DEDAUNAN pine
 di remang bulan merah
 berjajar
 mengisi sesak kota
 bergerak dan bergerak
 seperti pepohonan di mata macbeth
 di sini salji lain warna
 hitam

Hitam

HITAM

warna paling gagah
 itulah warnanya
 tidak gugur dari bintang
 bukan turun dari langit
 mengalir dari arus sejarah
 tulang-tulang

HITAM

membajai ladang-ladang subur
 amerika makmur
 salji hitam

HITAM

hitam sekali warna
 gaung gema

WE SHALL OVERCOME

di selatan di utara
 di mana saja
 mengusapi luka-luka sejarah nenek-moyang
 hari ini

sekarang ini
 paling gemilang
 salji hitam.

1970

kehidupan adalah sebagai berikut: ...

... dan sebagainya ...

... dan sebagainya ...

Soft Hills

Low hills

low hills

low hills

low hills

low hills

low hills

low hills

low hills

low hills

MATH

math

math

math

math

math

math

math

math

math

math

math

math

math

MY KHAM OVERCOME

my kham overcome

my kham overcome

my kham overcome

my kham overcome

my kham overcome

my kham overcome

my kham overcome

my kham overcome

... dan sebagainya ...

